

04 JUN 1997

Railey-Kemahiran

GANJARAN WANG UNTUK PEMENANG PINGAT KEMAHIRAN OLIMPIK

LUMUT, 4 Jun (Bernama) -- Kerajaan buat pertama kalinya memperuntukkan ganjaran wang tunai kepada belia negara yang memenangi pingat dalam Kejohanan Olimpik Antarabangsa Kemahiran Belia ke-34 di St Gallen, Switzerland, mulai 27 Jun ini.

Ketua kontinjen Malaysia, Timbalan Menteri Kerja Raya Datuk Railey Haji Jeffrey, berkata pemenang pingat emas akan menerima habuan sebanyak RM20,000, perak (RM10,000) dan gangsa (RM5,000).

Seramai 20 belia negara dari pelbagai bidang kemahiran dipilih menyertai kejohanan itu yang berlangsung selama dua minggu, katanya semasa melawat dua peserta yang sedang menjalani latihan di Institut Kemahiran Mara Lumut di Bandar Baru Manjung, dekat sini, hari ini.

Mereka ialah Norazanezam Mohd Paris, 21, yang akan mengambil bahagian dalam pembuatan corak kayu dan Muzamri Muhammad, 21, dalam bidang penerapan bata.

Beliau berkata ini adalah kali ketiga Malaysia menyertai kejohanan itu dengan mengambil bahagian dalam 20 daripada 38 bidang kemahiran yang dipertandingkan.

Pemilihan para peserta dibuat menerusi ujian penilaian dari 27 Feb sehingga 2 Mac lepas dan mereka yang dipilih mewakili negara perlu menjalani latihan intensif selama beberapa bulan di beberapa pusat latihan kemahiran negara ini bagi memantapkan lagi kemahiran masing-masing.

Railey berkata walaupun latihan intensif dijalankan dalam tempoh singkat, beliau yakin peserta negara dapat memberikan saingan hebat kepada para peserta negara lain.

Bagaimanapun faktor suasana dan ketahanan diri juga perlu diambil kira bagi memastikan kejayaan negara dalam pertandingan itu, katanya.

Seramai 561 peserta yang dalam lingkungan umur 22 tahun daripada 30 negara dijangka mengambil bahagian dalam kejohanan itu.

Dalam penyertaan pertama negara pada kejohanan itu di Taipei, Taiwan pada 1993, wakil negara memenangi sijil kecemerlangan dalam bidang kimpalan dan pada kejohanan 1995 di Lyon, Perancis, Malaysia mendapat dua sijil kecemerlangan dalam bidang masakan dan pendawaian.

Beliau berkata pada kejohanan kali ini, Malaysia akan menyertai dua bidang baru iaitu lukisan kejuruteraan mekanikal CAD dan Teknik Penyejukbekuan.

Railey juga berkata Kejohanan Kemahiran Malaysia Kelapan pada September ini akan memperkenalkan bidang baru iaitu teknologi maklumat di bawah kategori belia.

" Ini sebagai menyahut seruan Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad supaya rakyat Malaysia mempunyai kesedaran mengenai teknologi maklumat dan seterusnya menjayakan projek Koridor Raya Multimedia (MSC)," katanya.

Kejohanan itu akan diadakan pada 18 hingga 23 Sept ini di Pusat Latihan Pengajar dan Kemahiran Lanjutan (CIAST) dan Institut Teknologi MARA, kedua-duanya di Shah Alam, Selangor.

Sebanyak 23 bidang kemahiran iaitu 14 untuk kategori terbuka dan 22 kemahiran kategori akan dipertandingan dengan tiga acara lagi yang akan diadakan secara berpasukan iaitu automobil, kemahiran kemas pembinaan dan pembinaan struktur.

Beliau berkata bagi mereka yang memenangi kejohanan kategori kali ini, akan berpeluang mewakili negara ke Kejohanan Antarabangsa Olimpik Kemahiran

Belia dan Pertandingan Kemahiran Asean sekiranya berumur tidak melebihi 22 tahun semasa kejohanan itu diadakan.

Railey berkata pada Pertandingan Kemahiran Asean Kedua di Manila Disember lepas, Malaysia memungut empat pingat emas, tiga gangsa dan satu sijil kecemerlangan dengan pingat emas dalam bidang pembuat perabut, kepenggunaan elektronik, pemasangan paip dan jahitan pakaian wanita. --
BERNAMA.

HK NAK